

# JAS akan sita kilang proses habuk kayu selepas api padam

**BUKIT MERTA JAM** - Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri akan menyita kilang memproses habuk kayu yang beroperasi secara haram di atas tanah pertanian di Kampung Sungai Lembu di sini sejak lebih 10 tahun lepas berikutan pencemaran yang dilakukan kilang itu.

Pengarahnya, Rusnani Abdulah berkata, pihaknya akan membuat penyitaan ke atas kilang itu selepas api dan bara yang terdapat di 31 kawah pembakaran habuk kayu untuk menghasilkan karbon bagi penapis air di situ padam sepenuhnya.

"Pegawai JAS negeri telah membuat pemeriksaan di kilang itu hari ini (semalam) dan mendapati semua kawah untuk proses pembakaran habuk kayu di situ masih mempunyai api dan bara. Kami telah minta bantuan pihak bomba dan penyelamat. Bomba maklumkan mereka memerlukan masa antara empat hingga tujuh hari untuk memadamkannya.



DUA pegawai JAS meninjau kawasan pembakaran serbuk kayu kilang di Kampung Sungai Lembu di Bukit Mertajam semalam.

"JAS akan menyita kilang berkenaan selepas api dipadamkan sepenuhnya dan penguatkuasaan itu dibuat mengikut Seksyen 38 Akta Kualiti Alam Sekeliling berikutan pencemaran alam sekitar

oleh kilang itu," kata beliau ketika dihubungi semalam.

Khamis lepas, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan operasi di kilang haram memproses serbuk

kayu itu, yang dipercayai mence-mari alam sekitar di Kampung Sungai Lembu selain SPRM mengambil beberapa dokumen dari pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai di Bandar Perda bagi membantu siasatan kes itu.

Susulan itu, SPRM menahan anggota Exco kerajaan negeri Pulau Pinang, Phee Boon Poh dan dua beranak yang merupakan pengarah dan pengurus kilang itu bagi membantu siasatan.

Sementara itu, tinjauan di lokasi kilang yang terletak di dalam ladang kelapa sawit itu mendapati beberapa pekerja mengawal kepulan asap di kawah pembakaran daripada terus merebak dengan memenuhkannya dengan habuk kayu.

Sepasukan pegawai JAS turut hadir di kilang itu untuk membuat pemeriksaan sebelum sebuah jentera bomba tiba bagi membuat kerja-kerja pemadaman namun ia terpaksa dibatal-

kan semalam kerana memerlukan jumlah air yang banyak dan perancangan rapi untuk membuat pemadaman di situ.

Seorang pekerja tempatan berusia lingkungan 50-an yang berada di kilang itu berkata, dia sudah mengawal asap selama empat hari selepas majikannya ditahan untuk siasatan.

"Memang sebelum ini kilang beroperasi 24 jam untuk mengawal pembakaran di kawah itu dan proses membakar biasanya mengambil masa seminggu sebelum ia menjadi karbon dan dihantar ke sebuah kilang di Perai untuk proses selanjutnya," kata lelaki yang enggan memberikan namanya itu.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Sungai Lembu, Tan Sing Lee berkata, penduduk berharap pihak bomba segera memadam api dan bara supaya operasi kilang dihentikan serta-merta. - Bernama